

## **MoneyMax Beli 51 Peratus Kepentingan Dalam Rantaian Pajak Gadai Malaysia**

**Bernama**

**Jun 21, 2014**

**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 21 Jun (Bernama) -- MoneyMax Financial Services Ltd yang disenaraikan di Catalist Bursa Singapura mengumumkan Jumaat lepas bahawa ia akan melabur sejumlah RM15.63 juta (kira-kira S\$6.1 juta) untuk memiliki 51 peratus kepentingan dalam rangkaian pajak gadai Malaysia dalam pelaburan pertamanya di luar negara.

MoneyMax, satu daripada rangkaian pajak gadai terbesar di Singapura, berkata anak syarikat milik penuhnya, Cash Online Sdn Bhd (COL) menandatangani Perjanjian Pembelian Saham (SPA) bersyarat dengan Chong Mei Sang sebagai sebahagian daripada perkongsian untuk mengembangkan rangkaian di Malaysia.

Dalam satu kenyataan, MoneyMax berkata Chong, yang mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun dalam pengeluaran dan perniagaan barang kemas di Singapura dan Malaysia dan dalam pasaran eksport, akan terlebih dahulu menyusun semula lapan cawangannya untuk menempatkan pemilikannya di bawah sebuah Syarikat Pegangan Baharu.

Urus niaga ini akan serta merta memperluas rangkaian kedai MoneyMax daripada 37 di Singapura sekarang kepada 45, termasuk lapan kedai sedia ada, yang kebanyakannya terletak di Johor.

"Chong membawa bersamanya pengalaman dan hubungan yang akan membantu kami mempercepat pertumbuhan kami di Malaysia, yang merupakan sebuah pasaran yang menawarkan peluang-peluang menarik," kata Pengerusi Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MoneyMax, Peter Lim.

Syarikat itu menjangka untuk mula meraih pendapatan dan keuntungan daripada operasi di Malaysia menjelang akhir tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048199>